



Liberty
Insurance®

Premier Care Cash Plan
Terma & Syarat

Polisi ini, Jadual serta sebarang Endorsemen atau Memorandum yang dilampirkan hendaklah dianggap sebagai satu (1) dokumen, dan mana-mana perkataan atau ungkapan yang diberikan makna khusus dalam mana-mana dokumen tersebut hendaklah membawa makna yang sama sepanjang dokumen ini.

SEKSYEN A

Anda, Pemegang Polisi/Orang yang Diinsuranskan, dan Kami, Syarikat, bersetuju:

1. **Cadangan** akan dimasukkan ke dalam dan menjadi asas kepada kontrak ini.
2. **Kami** akan menyediakan perlindungan insurans tertakluk kepada terma **Polisi** ini.
3. Perkara berikut adalah syarat sebelum sebarang liabiliti dari pihak **Kami**:
 - (a) Pematuhan terhadap terma-terma **Polisi** ini berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh **Anda** atau **Orang yang Diinsuranskan**.
 - (b) Kebenaran terhadap Cadangan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013:
 - i) **Polisi** ini dikeluarkan dengan mempertimbangkan pembayaran premium sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual **Polisi** dan berdasarkan jawapan-jawapan yang diberikan kepada pasukan tele-pemasaran yang dilantik (atau semasa **Anda** memohon insurans ini), serta sebarang pendedahan lain yang dibuat oleh **Anda** antara masa penyerahan maklumat (atau semasa permohonan dibuat) dan masa kontrak ini dimeterai. Jawapan dan pendedahan lain tersebut akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Anda** dan **Kami**. Jika terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak berkaitan dengan jawapan atau pendedahan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedi seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan digunakan.
 - ii) Jika **Anda** memohon Insurans ini untuk tujuan bukan berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion, **Anda** mempunyai tanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah supaya tidak membuat salah nyata semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh pasukan tele-pemasaran yang dilantik (atau semasa permohonan dibuat). **Anda** hendaklah menjawab soalan-soalan tersebut dengan lengkap dan tepat. Kegagalan mengambil langkah munasabah semasa menjawab soalan-soalan tersebut boleh menyebabkan kontrak **Anda** dibatalkan, tuntutan **Anda** ditolak atau dikurangkan, syarat kontrak diubah atau kontrak ditamatkan, mengikut remedi Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang **Anda** ketahui sebagai relevan terhadap keputusan **Kami** untuk menerima risiko dan menetapkan kadar serta terma yang dikenakan. **Anda** turut mempunyai tanggungjawab untuk memaklumkan kepada **Kami** dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontak insurans dimeterai, diubah atau diperbaharui, terdapat sebarang maklumat yang diberikan kepada **Kami** (atau semasa permohonan dibuat) adalah tidak tepat atau telah berubah. **Polisi** ini mencerminkan terma dan syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **Anda** dan **Kami**.
 - iii) **Anda** mesti mematuhi dan memenuhi segala Terma, Syarat, Endorsemen, Klausula atau Waranti dalam Polisi ini.

Insurans

Kami akan membayar Faedah yang bersesuaian kepada **Anda** sekiranya, dalam **Tempoh Insurans, Orang yang Diinsuranskan** mengalami kematian akibat **Kemalangan, Kecederaan Badan** atau **Penyakit** yang tidak berkaitan dengan sebab lain, menyebabkan **Orang yang Diinsuranskan** perlu dimasukkan ke **Hospital** seperti yang ditakrifkan di bawah sebagai pesakit dalam, dan tuntutan Faedah dibuat atas sebab tersebut. Selanjutnya, **Polisi** ini menyediakan perlindungan dua puluh empat (24) jam di seluruh dunia.

SEKSYEN B DEFINISI

Bagi tujuan **Polisi** ini

1. **Kemalangan** bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak dijangka dan bersifat kebetulan.
2. **Kecederaan Badan** atau kematian Tidak Sengaja bermaksud kecederaan tubuh badan yang berlaku dalam **Tempoh Insurans**, yang merupakan akibat langsung daripada sebab-sebab luar yang tidak dijangka, ganas dan boleh dilihat secara fizikal dan yang secara tunggal dan bebas daripada sebarang sebab lain membawa kepada tuntutan bagi kematian atau hilang upaya.
3. **Sijil Insurans** atau **Polisi** bermaksud kepada pengesahan perlindungan insurans yang dijana apabila **Anda** telah membeli insurans ini dengan **Kami**.
4. **Pembedahan Harian** bermaksud **Pembedahan** yang dijalankan oleh doktor atau **Pakar Bedah** yang berdaftar dan bertauliah, tetapi bukan sebagai pesakit dalam dan mesti dilakukan di **Hospital** atau klinik dalam tempoh 24 jam dari masa **Kemalangan**. **Pembedahan Harian** yang dirancang terlebih dahulu, bukan kecemasan dan dianggap elektif tidak dilindungi di bawah **Polisi**. Walau bagaimanapun, pembedahan yang bersifat kecemasan dilindungi di bawah **Polisi**, seperti **Pembedahan** yang mesti dilakukan segera untuk keadaan serius yang mengancam nyawa akibat kecederaan **Kemalangan, Pembedahan Kecil** atau pembedahan tisu luka. Rawatan susulan akan dilindungi sehingga empat belas (14) hari dari tarikh **Kemalangan**.
5. **Keluarga** bermaksud **Orang yang Diinsuranskan**, pasangan sah di sisi undang-undang, dan anak-anak yang belum berkahwin berumur lebih daripada enam (6) bulan tetapi di bawah umur lapan belas (18) tahun, atau berumur antara lapan belas (18) hingga dua puluh lima (25) tahun sekiranya masih menjalani pengajian sepenuh masa di institusi pengajian yang diiktiraf.
6. **Hospital** bermaksud sebuah institusi yang memenuhi syarat berikut:
 - (a) memegang lesen sebagai **Hospital** (jika pelesenan diperlukan di negeri atau bidang kuasa Kerajaan);
 - (b) beroperasi terutamanya untuk menerima, merawat dan menjaga pesakit yang sakit, uzur atau cedera sebagai pesakit dalam;
 - (c) menyediakan perkhidmatan kejururawatan selama dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat berdaftar atau bertauliah;
 - (d) mempunyai sekurang-kurangnya seorang **Doktor** berlesen yang tersedia pada setiap masa;
 - (e) menyediakan kemudahan diagnosis dan pembedahan utama yang teratur; dan
 - (f) bukan sebuah klinik, rumah jururawat, rumah rehat, rumah pemulihan atau institusi seumpamanya secara utama, dan bukan juga, kecuali secara kebetulan, tempat rawatan bagi penagih alkohol atau dadah.
7. **Penyakit** bermaksud keadaan fizikal yang dicirikan oleh penyimpangan patologi daripada keadaan sihat yang normal yang muncul atau nyata semasa **Tempoh Insurans**.
8. **Orang yang Diinsuranskan/Pasangan Orang yang Diinsuranskan/Anda/Milik Anda/Diri Anda**, jika berkenaan, bermaksud individu yang dinamakan sebagai **Orang yang Diinsuranskan** dalam **Sijil Insurans** atau mana-mana pindaan, semakan atau endorsemen yang dibuat selepas itu. Walau bagaimanapun, sekiranya perlindungan diberikan kepada anak, perlindungan tersebut akan diberikan tanpa penamaan nama.
9. **Orang yang Diinsuranskan** bermaksud individu pertama yang disenaraikan sebagai **Orang yang Diinsuranskan** dalam **Sijil Insurans**.
10. **Kehilangan Anggota Badan** bermaksud:
 - (a) bagi anggota atas, kehilangan melalui pemotongan fizikal sekurang-kurangnya kesemua empat (4) jari secara

- keseluruhan, atau kehilangan keseluruhan dan kekal keupayaan untuk menggunakan seluruh seluruh lengan atau tangan; atau
- (b) bagi kehilangan anggota bawah, kehilangan melalui pemotongan fizikal pada atau di atas buku lali, atau kehilangan keseluruhan dan kekal keupayaan untuk menggunakan seluruh kaki.
11. **Kehilangan Mata** termasuk kehilangan penglihatan secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan.
 12. **Pembedahan perubatan yang diperlukan** adalah rawatan bagi penyakit atau kecederaan pesakit yang sesuai dan penting; disertai dengan penyediaan diagnosis yang selamat, mencukupi dan sesuai serta penjagaan yang diperlukan dalam lingkungan tertentu, tempoh berterusan, intensiti dan tahap tertentu; selaras dengan tahap profesional perubatan yang diiktiraf di peringkat tempatan; tidak dijalankan semata-mata untuk keselesaan dan kemudahan pesakit, keluarga, doktor atau kakitangan lain yang menyediakan rawatan; bukan sebahagian daripada pendidikan akademik atau latihan profesional; bukan untuk tujuan eksperimen atau penyelidikan.
 13. **Gangguan Mental** merujuk kepada sebarang keadaan psikiatri, psikologi, atau Kesihatan mental yang telah didiagnosis yang menjejaskan fungsi kognitif, emosi atau tingkah laku seseorang individu.
 14. **Perkhidmatan Tentera Darat, Laut, Udara atau Angkatan Bersenjata** lain tidak termasuk Perkhidmatan Negara atau Latihan Simpanan Perkhidmatan Negara yang dilakukan semasa situasi aman.
 15. **Pembedahan Kecil** bermaksud **Pembedahan** akibat kecederaan badan yang dilindungi yang berpunca daripada **Kemalangan** untuk pembedahan yang diperlukan secara perubatan sebagai pesakit luar di mana-mana klinik atau **Hospital** berdaftar dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas **Kemalangan**.
 16. **Hilang Upaya Menyeluruh Kekal (PTD)** bermaksud keadaan ketidakupayaan akibat kecederaan tubuh badan yang dialami oleh **Anda** yang menyebabkan **Anda** mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal untuk melakukan sebarang pekerjaan yang mendatangkan pendapatan.
 17. **Doktor atau Pakar Bedah** bermaksud pengamal perubatan moden (perubatan barat) yang berdaftar di bawah Daftar Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan sekiranya tuntutan berlaku di luar Malaysia, **Doktor** atau **Pakar Bedah** bermaksud pengamal perubatan moden yang berdaftar mengikut undang-undang negara tersebut dimana tuntutan tersebut berlaku, dan bukannya mana-mana individu lain.
 18. **Tahun Polisi** bermaksud dua belas (12) bulan kalendar berturut-turut bermula dari permulaan **Tempoh Insurans** yang pertama, dan seterusnya setiap tempoh dua belas (12) bulan kalendar berturut-turut pada setiap ulang tahun polisi.
 19. **Tempoh Insurans** bermaksud tempoh perlindungan untuk **Anda** seperti yang dinyatakan dalam Sijil Insurans. Tempoh perlindungan ini akan disambung secara bulanan, tertakluk kepada pembayaran premium seperti yang dinyatakan dalam **Sijil Insurans** dan terma, syarat dan pengecualian dalam **Polisi** ini.
 20. **Keadaan Perubatan, Gangguan Mental dan Kecacatan Fizikal Sedia Ada**, di mana-mana jua digunakan dalam **Polisi** ini, bermaksud sebarang keadaan yang telah didiagnosis pada bila-bila masa sebelum permulaan **Tahun Polisi** yang pertama dan/atau pengaktifan semula polisi, mana-mana yang berlaku kemudian. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang keadaan yang telah diketahui oleh **Anda**, sepatutnya secara munasabah diketahui oleh **Anda**, atau telah menerima rawatan, ubat-ubatan atau nasihat daripada doktor sebelum permulaan **Tahun Polisi** pertama atau pengaktifan semula polisi, mana-mana yang berlaku kemudian.

21. **Kecacatan Fizikal** merujuk kepada sebarang keadaan fizikal, penyakit atau ketidakupayaan yang menjejaskan atau menghadkan keupayaan fizikal seseorang individu.
22. **Pemegang Polisi** bermaksud United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (UOBM).
23. **Cadangan** bermaksud apa-apa borang **Cadangan** yang ditandatangani dan pernyataan serta apa-apa maklumat yang diberikan oleh **Anda**, atau bagi pihak **Anda**, atau bagi pihak **Orang yang Diinsuranskan**.
24. **Pembedahan** bermaksud rawatan pembedahan bagi penyakit, kecederaan dan kecacatan melalui prosedur manual atau operasi; dan pembedahan tersebut dijalankan jika perlu secara perubatan.
25. **Syarikat/Kami/Pihak Kami** bermaksud Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P).

SEKSYEN C JADUAL FAEDAH

No.	Faedah	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)	Pelan C (RM)
1	Kematian Akibat Kemalangan	250,000	375,000	500,000
2	Hilang Upaya Menyeluruh Kekal (PTD) – Kecacatan akibat Kemalangan Jadual peratusan bayaran:	250,000	375,000	500,000
	(a) PTD daripada sebarang jenis pekerjaan yang menjana pendapatan	100%	100%	100%
	(b) Kehilangan satu atau kedua-dua Anggota Badan	100%	100%	100%
	(c) Kehilangan satu atau kedua-dua Mata	100%	100%	100%
3	Elaun Harian Hospital (akibat Kemalangan) setiap hari sehingga 365 hari	500	750	1,000
4	Elaun Harian Hospital (akibat Penyakit) setiap hari sehingga 365 hari	50	75	100
5	Elaun Akibat Diragut (dalam Malaysia sahaja) sekali setiap Tahun Polisi	1,000	1,500	2,000
6	Tulang Patah atau Retak – akibat Kemalangan Jadual peratusan yang dibayar	4,000	6,000	8,000
	a. Leher, tengkorak atau tulang belakang	100%	100%	100%
	b. Pinggang	75%	75%	75%
	c. Rahang, pelvis, kaki, lutut atau pergelangan kaki	50%	50%	50%
	d. Tulang pipi atau bahu	30%	30%	30%
	e. Lengan, siku, pergelangan tangan atau tulang rusuk	25%	25%	25%
	f. Hidung atau kolar tulang	20%	20%	20%
	g. Jari, ibu jari, kaki, tangan, atau jari kaki	10%	10%	10%
7	Perbelanjaan Pengebumian – akibat Kemalangan	1,000	1,500	2,000
8	Perbelanjaan Perubatan untuk Pembedahan Harian – akibat Kemalangan	4,000	6,000	8,000
9	Pemulangan Tunai semasa Pembaharuan Polisi	20% daripada jumlah premium yang dibayar		

1. **Kematian akibat Kemalangan**
Sekiranya **Kecederaan Badan Tidak Sengaja** mengakibatkan kematian **Orang yang Diinsuranskan** dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh **Kemalangan**, **Kami** akan membayar jumlah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah kepada **Anda**, penama **Anda** atau Pentadbir / Wasi harta pusaka **Anda**.
2. **Hilang Upaya Menyeluruh Kekal**
Sekiranya **Kecederaan Badan Tidak Sengaja** menyebabkan sebarang bentuk **Hilang Upaya Menyerluruh Kekal** dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh **Kemalangan**, **Kami** akan membayar kepada **Anda** sehingga jumlah yang

dinyatakan dalam Jadual Faedah.

Kehilangan kekal sepenuhnya keupayaan penggunaan mana-mana bahagian badan akan dianggap sebagai kehilangan bahagian badan tersebut.

Bagi Faedah 1 (Kematian Akibat **Kemalangan**) dan Faedah 2 (**Hilang Upaya Menyeluruh Kekal**), jumlah keseluruhan peratusan yang boleh dibayar bagi mana-mana satu **Kemalangan** tidak akan melebihi 100% daripada jumlah prinsipal yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah. Sekiranya bayaran penuh 100% telah dibuat dalam tempoh **Tahun Polisi**, **Polisi** ini akan tamat serta-merta.

Peruntukan

1. Faedah yang dibayar bagi kehilangan fungsi keseluruhan anggota badan tidak termasuk faedah bagi bahagian anggota tersebut.
2. **Hilang Upaya Menyeluruh Kekal** daripada pekerjaan yang memberi pendapatan bagi sebarang jenis pekerjaan mesti berlangsung sekurang-kurangnya lima puluh dua (52) minggu sebelum Faedah boleh dibayar.
3. Tiada faedah akan dibayar bagi **Kehilangan Anggota Badan** atau **Mata** sehingga sekurang-kurangnya tiga belas (13) minggu selepas tarikh **Kemalangan** dan faedah tersebut hanya akan dibayar jika **Kematian** tidak berlaku akibat **Kemalangan** tersebut.
3. **Elaun Harian Hospital** akibat **Kemalangan**
Kami akan membayar kepada **Anda** faedah tunai seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah, bagi setiap hari sehingga maksimum 365 hari bagi setiap kemasukan, sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan Badan Tidak Sengaja** dan dimasukkan ke **Hospital** sebagai pesakit dalam tidak kurang daripada 24 jam, di bawah jagaan professional oleh **Doktor** atau **Pakar Bedah** yang berdaftar, tetapi bukan bagi tujuan rawatan pemulihan atau rehat.
4. **Elaun Harian Hospital** akibat **Penyakit**
Kami akan membayar kepada **Anda** faedah tunai seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah, bagi setiap hari sehingga maksimum 365 hari bagi setiap kemasukan, sekiranya **Anda** menghidap **Penyakit** dan dimasukkan ke **Hospital** sebagai pesakit dalam tidak kurang daripada 24 jam, di bawah jagaan professional oleh **Doktor** atau **Pakar Bedah** yang berdaftar, tetapi bukan bagi tujuan rawatan pemulihan atau rehat.
5. **Elaun Akibat Diragut**
Sekiranya **Anda** diragut atau dirompak di tepi jalan di Malaysia, **Kami** akan membayar jumlah tidak melebihi jumlah faedah yang dinyatakan dalam Jadual Faedah dengan syarat kejadian tersebut dilaporkan kepada polis dalam masa empat puluh lapan (48) jam. Laporan polis asal atau salinan yang disahkan mestilah dikemukakan kepada **Kami** untuk prosedur tuntutan.
6. **Tulang Patah atau Retak**
Jika **Anda** mengalami **Kecederaan Badan Tidak Sengaja** yang memerlukan rawatan untuk tulang yang patah atau retak oleh seorang **Doktor**, **Kami** akan membayar sejumlah yang tidak melebihi jumlah faedah yang dinyatakan dalam Jadual Faedah. Jumlah sebenar yang layak dibayar akan ditentukan dengan menerapkan Peratusan Berkaitan seperti yang dinyatakan bagi setiap kategori di bawah kepada Faedah Tulang Patah atau Retak mengikut jumlah Faedah:

JADUAL FAEDAH TULANG PATAH ATAU RETAK

Jadual Faedah	Peratusan Yang Relevan
a) Leher, tengkorak atau tulang belakang	100%
b) Pinggang	75%
c) Rahang, pelvis, kaki, lutut atau pergelangan kaki	50%
d) Tulang pipi atau bahu	30%
e) Lengan, siku, pergelangan tangan atau tulang rusuk	25%
f) Hidung atau kolar tulang	20%
g) Jari, ibu jari, kaki, tangan, atau jari kaki	10%

7. Perbelanjaan Pengebumian

Jika akibat daripada **Kemalangan** yang melayakkan tuntutan di bawah Faedah 1, **Polisi** ini akan membayar elaun sepenuhnya seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah kepada waris terdekat **Orang yang Diinsuranskan**.

8. Perbelanjaan Perubatan untuk Pembedahan Harian

Kami akan membayar **Anda** Perbelanjaan Perubatan yang ditanggung sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Faedah, disebabkan oleh **Kecederaan Badan** akibat **Kemalangan** sahaja. Rawatan susulan akan dilindungi sehingga empat belas (14) hari dari tarikh **Kemalangan**. Perbelanjaan Perubatan termasuk perbelanjaan untuk **Hospital** (termasuk bilik dan katil), rawatan klinikal, perubatan dan pembedahan, serta kos untuk mendapatkan laporan perubatan/pakar/autopsi.

9. Pemulangan Tunai semasa Pembaharuan Polisi

Kami akan membayar kepada **Anda** bagi setiap **Tahun Polisi** yang diperbaharui, sejumlah dua puluh peratus (20%) daripada jumlah sebenar premium yang telah dibayar, tanpa faedah, bagi setiap tempoh **Tahun Polisi** berturut-turut, dengan syarat tiada sebarang kerugian dalam apa jua bentuk telah berlaku dalam tempoh **Tahun Polisi** tersebut dan **Kami** tidak membuat sebarang bayaran faedah di bawah **Polisi** tersebut. Jumlah ini akan dibayar setiap tahun, dengan syarat **Polisi** semasa masih berkuat kuasa dan diperbaharui. **Kami** berhak untuk menolak jumlah sebenar premium yang telah dibayar daripada jumlah yang perlu dibayar di bawah **Polisi** ini sekiranya berlaku sebarang bentuk kerugian seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh **Tahun Polisi** tersebut.

SEKSYEN D ENDORSEMEN

1. Klausula Pendedahan

Polisi ini dilanjutkan untuk meliputi Kematian **Orang yang Diinsuranskan** yang disebabkan oleh lemas dan/atau Kematian atau **Hilang Upaya Menyeluruh Kekal** yang disebabkan oleh risiko pendedahan akibat **Kemalangan** terhadap kapal terbang atau kapal air yang dinaiki oleh **Orang yang Diinsuranskan**.

2. Klausula Kehilangan

Adalah dipersetujui bahawa sekiranya selepas tempoh satu (1) tahun berlalu dan semua bukti yang ada telah dikaji, terdapat alasan kukuh untuk mengandaikan bahawa **Orang yang Diinsuranskan** telah meninggal dunia akibat suatu kejadian yang dilindungi oleh **Polisi** ini, maka kehilangan **Orang yang Diinsuranskan** akan dianggap sebagai suatu tuntutan yang dibuat di bawah **Polisi** ini. Sekiranya pada bila-bila masa selepas bayaran dibuat oleh **Kami**, **Orang yang Diinsuranskan** didapati masih hidup, semua jumlah yang telah dibayar hendaklah dikembalikan kepada **Kami**.

3. Klausula Tunai Sebelum Perlindungan

- (a) Tiada perlindungan akan diberikan melainkan premium telah dibayar sepenuhnya.
- (b) Sekiranya premium yang perlu dibayar tidak diterima sepenuhnya oleh **Kami** (atau pihak perantara yang menguruskan **Polisi** ini) pada atau sebelum tarikh mula perlindungan seperti yang dinyatakan di atas, maka **Polisi**, Sijil Pembaharuan, Nota Perlindungan dan Endorsemen ini akan dianggap terbatal serta-merta, dan tiada sebarang faedah akan dibayar oleh **Kami**. Sebarang bayaran yang diterima selepas itu tidak akan memberi kesan terhadap pembatalan **Polisi**, Sijil Pembaharuan, Nota Perlindungan dan Endorsemen tersebut.

4. Tempoh Percubaan Percuma

Bagi perlindungan ini yang mempunyai peruntukan "Tempoh Percubaan Percuma", sehingga lima belas (15) hari selepas **Sijil Insurans** tersebut dihantar, **Anda** boleh memulangkan dokumen polis asal kepada **Kami** dalam "Tempoh Percubaan Percuma" sekiranya **Anda** memilih untuk membatalkan perlindungan tersebut dalam "Tempoh Percubaan Percuma" berkenaan. Dalam hal sedemikian, **Anda** akan menerima bayaran balik penuh premium yang telah dibayar kepada **Kami**, dengan syarat tiada sebarang tuntutan telah dibuat di bawah insurans ini. "Tempoh Percubaan Percuma" ini hanya terpakai kepada **Sijil Insurans** yang baru dibeli dan tidak terpakai bagi sebarang pembaharuan atau pengaktifan semula.

5. Klausula Pengumpulan

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa liabiliti maksimum **Kami** dalam apa jua keadaan adalah terhad kepada RM10 juta bagi setiap kejadian / kerugian / insiden.

SEKSYEN E PENGEUALIAN

Kami tidak akan membuat sebarang bayaran bagi **Kecederaan Badan**, kematian atau hilang upaya atau kemasukan ke hospital sekiranya:-

- disebabkan oleh atau disumbangkan oleh kecederaan yang berpunca daripada penglibatan dalam (atau latihan/latihan khas untuk),
 - perlumbaan dalam apa jua bentuk (selain daripada berjalan kaki) atau ujian kelajuan atau kebolehpercayaan;
 - pendakian gunung, batu atau tebing yang memerlukan penggunaan tali atau pemandu pendakian;
 - luncur udara (hang gliding);
 - terjun payung (parachuting);
 - sukan musim sejuk (tidak termasuk curling dan luncur ais).
- disebabkan oleh atau disumbangkan oleh:-
 - bunuh diri atau mencederakan diri sendiri secara sengaja.
 - keadaan **Pra-Perubatan Sedia Ada, Gangguan Mental atau Kecacatan Fizikal**.
 - kehamilan atau bersalin, kecuali jika disebabkan secara langsung dan sepenuhnya oleh **Kemalangan**.
 - AIDS atau sebarang penyakit berkaitan, gangguan imunisasi, atau ujian darah yang menunjukkan positif berkaitan AIDS.
 - pengambilan dadah, melainkan Anda dapat membuktikan bahawa dadah tersebut diambil mengikut preskripsi dan arahan perubatan yang betul, dan bukan bagi rawatan ketagihan dadah.
 - rawatan alkoholisme atau mabuk.
 - Pembedahan** kosmetik atau plastik, sebarang **Pembedahan** elektif atau kecacatan kongenital.
 - penyakit pergigian, penjagaan atau **Pembedahan** pergigian.
 - rawatan untuk obesiti atau penambahbaikan berkaitan berat badan.
 - pemeriksaan kesihatan umum, pemulihan, rawatan penjagaan atau rehat.
 - sebarang penyakit kelamin.
 - ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang.
 - Anda** tidak memiliki lesen memandu yang sah ketika memandu kenderaan. Pengecualian ini tidak terpakai sekiranya **Anda** mempunyai lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak dibatalkan kelayakannya untuk memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah mana-mana undang-undang, peraturan kecil, atau peraturan sedia ada.
- Orang yang Diinsuranskan** yang mencapai usia tujuh puluh enam (76) tahun pada ulang tahun **Polisi**.
- disebabkan oleh atau disumbangkan oleh kecederaan yang timbul daripada penglibatan dalam pekerjaan **Anda** sebagai:
 - buruh pelabuhan
 - penyelam profesional
 - juruterbang ujian (test pilot)
 - ahli sukan profesional
 - krew penerbangan dan krew kapal
 - anggota tentera laut, tentera darat atau tentera udara atau yang terlibat dalam operasi ketenteraan, melainkan jika dipersetujui dan diendors secara jelas oleh **Kami**.
- Kecederaan yang dialami oleh **Anda** semasa terlibat dalam penerbangan persendirian atau aktiviti udara lain, kecuali sebagai penumpang berbayar dalam penerbangan berjadual komersial yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan tetap.
- disebabkan oleh peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, atau kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa.

- Penyakit** atau Kecederaan yang timbul daripada atau akibat daripada tindak balas nuklear, sinaran nuklear atau pencemaran radioaktif.
- tiada pampasan akan diberikan bagi sebarang bentuk **Penyakit**, jangkitan atau wabak yang diisytiharkan sebagai Pandemik oleh Kerajaan atau Pihak Berkuasa negara / kawasan berkenaan.
- sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit serta Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit yang Diperoleh (AIDS), Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) atau Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
- Keganasan**
Adalah dipersetujui bahawa insurans ini mengecualikan sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada atau berkaitan dengan sebarang perbuatan keganasan, tanpa mengira punca atau kejadian lain yang berlaku secara serentak atau dalam susunan lain yang menyumbang kepada kerugian tersebut.

Bagi tujuan endorsan ini, perbuatan keganasan bermaksud sesuatu perbuatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana individu atau kumpulan individu, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan bagi tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan seumpamanya, termasuk dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menimbulkan ketakutan kepada orang awam atau mana-mana bahagian daripada orang awam.

Endorsemen ini juga mengecualikan sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada atau berkaitan dengan sebarang tindakan dalam mengawal, mencegah, menindas atau apa-apa cara berkaitan dengan perbuatan keganasan.

Sekiranya **Kami** mendakwa bahawa berdasarkan pengecualian ini, sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh insurans ini, maka tanggungjawab untuk membuktikan sebaliknya terletak pada **Anda**. Sekiranya mana-mana bahagian daripada endorsemen ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, bahagian selebihnya akan terus berkuat kuasa sepenuhnya.

11. Klausula Pengecualian Kerugian Siber Terhad

- Polisi** ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
- Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
 - penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
 - pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
 - akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
 - ketidaktahuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
 - sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan (b)(i) hingga (b)(iv) di atas;
 - sebarang ralat atau pengabaian atau **Kemalangan** berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
- Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
- Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan

rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.

- (e) Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.

12. Klausula Pengecualian Pandemik

- (a) **Polisi** ini akan mengecualikan semua kerugian yang timbul daripada, disumbangkan oleh, atau berpunca daripada sebarang pandemik. Dengan ini, punca penyumbang kepada pandemik adalah mencukupi.
- (b) Pandemik menurut perenggan (a) merujuk kepada semua penyakit atau patogen yang diisytiharkan sedemikian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pengecualian ini terpakai dari tarikh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan wabak itu.
- (c) Jika **Kami** mendakwa bahawa disebabkan oleh pengecualian ini, sebarang kerugian tidak dilindungi oleh **Polisi** ini, beban untuk membuktikan sebaliknya adalah tanggungjawab **Anda**.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

SEKSYEN F SYARAT-SYARAT

1. Kelayakan – Penyertaan Anda mestilah:

- (a) Pelanggan UOBM yang merupakan warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia dan bagi pelan **Keluarga**, pasangan dan anak-anak mereka yang menetap di Malaysia.
- (b) Berumur di antara lapan belas (18) hingga enam puluh (60) tahun pada tarikh permulaan **Polisi** dan bebas daripada **Kecacatan Fizikal** serta berada dalam keadaan sihat secara amnya.
- (c) Kanak-kanak yang berumur antara enam (6) bulan hingga lapan belas (18) tahun, atau sehingga dua puluh lima (25) tahun jika sedang melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa di institusi pengajian yang diiktiraf.

2. Kelayakan Faedah

Bilangan maksimum **Polisi** yang boleh diinsuranskan oleh mana-mana **Orang yang Diinsuranskan** bagi produk ini adalah satu (1) **Polisi** sahaja. Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) **Polisi** untuk produk ini, kami hanya bertanggungjawab untuk membayar satu **Polisi** sahaja, iaitu **Polisi** dengan jumlah perlindungan yang lebih tinggi. **Polisi** dengan perlindungan yang lebih rendah akan dibatalkan, dan premium yang telah dibayar untuk **Polisi** tersebut akan dipulangkan sepenuhnya dalam **Tempoh Insurans**.

3. Syarat Khas

Selama Tempoh Percubaan Percuma, Faedah Tunai akan dibayar untuk tuntutan yang timbul semata-mata daripada **Kemalangan**.

4. Perubahan Risiko

- (a) **Perubahan Pekerjaan**
Sekiranya **Anda** melibatkan diri dalam sebarang pekerjaan yang melibatkan risiko lebih tinggi daripada pekerjaan yang telah dinyatakan kepada pasukan tele-pemasaran yang dilantik bagi **Polisi** ini, tanpa memaklumkan kepada **Kami** terlebih dahulu dan tanpa mendapatkan persetujuan bertulis bagi pindaan **Polisi** tersebut (tertakluk kepada bayaran tambahan premium yang munasabah seperti yang mungkin **Kami** tetapkan sebagai pertimbangan untuk persetujuan itu), maka tiada tuntutan akan dibayar berhubung sebarang kecederaan yang berlaku akibat atau semasa melakukan pekerjaan tersebut.

- (b) **Perubahan Negara Kediaman**

Merupakan syarat utama liabiliti di bawah **Polisi** ini bahawa **Kami** mesti dimaklumkan secara bertulis tentang sebarang perubahan Negara Kediaman **Anda**. Perubahan Negara Kediaman akan dianggap sebagai **Anda** tinggal atau berniat untuk tinggal di negara lain selain Malaysia selama lebih daripada dua belas (12) bulan kalendar berturut-turut. **Kami** berhak untuk sama ada meneruskan perlindungan

mengikut terma dan syarat semasa atau menolak untuk meneruskan perlindungan di bawah **Polisi** ini selepas menerima maklumat tersebut.

Anda juga hendaklah memaklumkan kepada **Kami** secara bertulis tentang sebarang perubahan material yang mempengaruhi risiko yang diinsuranskan, termasuk sebarang perubahan dalam kesihatan atau aktiviti **Anda** atau **Orang Yang Diinsuranskan**.

- (c) **Perubahan Pelan Insurans**

Permohonan untuk menukar faedah hanya boleh dibuat semasa pembaharuan **Polisi** dengan memberikan notis bertulis selama tiga puluh (30) hari, dan tertakluk kepada penerimaan dan kelulusan oleh **Kami** semasa ulang tahun **Polisi**.

5. Pembaharuan Automatik Perlindungan

- (a) **Premium Dibayar Secara Bulanan – Pembaharuan Bulanan**

Melainkan jika **Kami** memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum, yang dihantar atau diserahkan kepada **Anda** di alamat yang dinyatakan dalam **Polisi** bagi tujuan mengurangkan had perlindungan, menaikkan premium atau menamatkan perlindungan serta menolak pembaharuan **Polisi** ini pada mana-mana bulan, maka **Polisi** ini akan DIPERBAHARUI SECARA AUTOMATIK pada tarikh ulang tahun **Polisi** melalui bayaran yang tertakluk kepada Syarat 5 dan 6(a). Penerimaan premium oleh **Kami** akan dianggap sebagai persetujuan untuk pembaharuan. Walau bagaimanapun, perlindungan akan tamat apabila **Polisi** ini ditamatkan.

- (b) **Kadar Premium – semasa Pembaharuan**

Kadar premium tidak dijamin. **Kami** berhak untuk menyemak kadar premium pada masa pembaharuan berdasarkan pengalaman tuntutan portfolio. Semakan ini boleh berlaku akibat kemerosotan dalam pengalaman tuntutan atau perubahan dalam faedah. Syarat ini bukanlah menyeluruh, dan kadar premium boleh disemak dalam keadaan lain yang dibenarkan.

Notis bertulis selama empat belas (14) hari sebelum ulang tahun Tahun **Polisi** akan diberikan kepada **Anda** sebelum sebarang perubahan dibuat.

6. Penamatan Automatik Perlindungan

Perlindungan di bawah **Polisi** ini akan tamat secara automatik dan **Polisi** akan terhenti apabila berlaku mana-mana keadaan berikut:

- (a) Pada tarikh di mana **Anda** bukan lagi pemegang Kad Kredit atau Kad Debit yang digunakan bagi pembayaran **Polisi** ini; atau
- (b) Apabila **Polisi** dan/atau **Sijil Insurans** dibatalkan oleh **Anda** atau **Kami** mengikut peruntukan yang dinyatakan dalam Syarat (Seksyen F, 9) pada tarikh yang ditentukan di dalamnya; atau
- (c) Apabila tamat tempoh jaminan yang dirujuk dalam Klausula Bayar Sebelum Perlindungan (Seksyen D, 3) jika premium tidak dibayar pada tarikh akhir bayaran; atau
- (d) Apabila berlaku kematian atau **Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal** ke atas **Orang yang Diinsuranskan**; atau
- (e) Pada ulang tahun **Tahun Polisi** selepas mencapai umur tujuh puluh enam (76) tahun; atau
- (f) Pada ulang tahun **Tahun Polisi** apabila Anak mencapai umur sembilan belas (19) tahun, atau dua puluh enam (26) tahun sekiranya masih mengikuti pengajian sepenuh masa di institusi pengajian yang diiktiraf.

7. Pengembalian Semula

Polisi boleh dipulihkan semula atas budi bicara **Kami**, tertakluk kepada:-

- (a) Permohonan bertulis oleh **Orang yang Diinsuranskan**;
- (b) Bukti kelayakan insurans yang memuaskan kepada **Kami**;
- (c) Pembayaran semua premium tertunggak, jika ada.

8. Tuntutan

- (a) Tiada tuntutan akan diterima sekiranya premium masih tertunggak.
- (b) Sekiranya berlaku sesuatu yang mungkin membawa kepada tuntutan di bawah **Polisi** ini, **Anda** atau wakil sah peribadi **Anda** hendaklah memaklumkan kepada **Kami** secara bertulis secepat yang munasabah dan dalam apa jua keadaan tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari. Apabila diminta oleh **Kami**, **Anda** hendaklah memberikan butiran lanjut yang diperlukan dengan kadar segera dan atas kos **Anda** sendiri.
- (c) Resit penerimaan bayaran tuntutan oleh **Anda** atau wakil sah **Anda** akan menjadi penyelesaian sepenuhnya oleh **Kami**. **Anda** atau wakil **Anda** tidak berhak membuat sebarang tuntutan tambahan atau menyaman **Kami** selepas itu. Sekiranya terdapat lebih daripada seorang pihak yang berkepentingan ke atas **Anda**, manfaat yang dibayar akan merupakan jumlah keseluruhan yang dibayar bagi semua kepentingan yang dilindungi di bawah **Polisi** ini.
- (d) Tiada amaun yang perlu dibayar di bawah **Polisi** ini akan dikenakan faedah.
- (e) Sekiranya bilangan sebenar anak-anak yang layak dalam keluarga melebihi jumlah yang dinyatakan dalam perisytiharan di sijil, Had Tanggungan **Kami** bagi setiap anak semasa penyelesaian tuntutan akan dikurangkan secara nisbah, iaitu berdasarkan bilangan sebenar anak-anak yang layak berbanding bilangan anak yang diisytiharkan dalam **Sijil Insurans**.

Dokumen Sokongan untuk Tuntutan

Faedah-Faedah	Dokumen Tuntutan yang Diperlukan
Kematian Kemalangan	<ul style="list-style-type: none">- Salinan asal atau salinan yang disahkan benar Laporan Polis- Salinan yang disahkan benar Sijil Kematian- Laporan Bedah Siasat terperinci- Sijil Pengebumian- Salinan Kad Pengenalan / Pasport- Borang Tuntutan- Salinan Laporan Toksikologi (jika berkenaan)
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (PTD)	<ul style="list-style-type: none">- Salinan asal atau salinan yang disahkan benar Laporan Polis, jika berkenaan- Laporan Perubatan berkaitan tahap hilang upaya kekal- Salinan Kad Pengenalan- Borang Tuntutan
Elaun Harian Hospital (akibat Kemalangan/ penyakit) sehingga 365 hari	<ul style="list-style-type: none">- Nota Kemasukan dan Pelepasan Hospital- Salinan asal atau salinan yang disahkan benar Laporan Polis, jika berkenaan- Laporan Perubatan- Salinan Kad Pengenalan / Pasport- Borang Tuntutan
Perbelanjaan Perubatan untuk Pembedahan Harian	<ul style="list-style-type: none">- Salinan asal atau salinan yang disahkan benar Laporan Polis, jika berkenaan- Laporan Perubatan- Resit dan bil perubatan asal- Salinan Kad Pengenalan / Pasport- Borang Tuntutan
Elaun Akibat Diragut	<ul style="list-style-type: none">- Salinan asal atau salinan yang disahkan benar Laporan Polis- Borang Tuntutan- Salinan Kad Pengenalan- Penyata Tuntutan Bertulis yang memperincikan harta yang hilang atau rosak- Gambar harta benda yang rosak serta tempat pencerobohan/pecah masuk dan pandangan keseluruhan premis

Nota:

Maklumat dan/atau dokumen tambahan mungkin diperlukan dari semasa ke semasa bergantung kepada jenis tuntutan. Pelantikan penilai kerugian (adjuster) dan/atau peguam juga mungkin diperlukan semasa penilaian dijalankan.

9. Pembatalan

(a) Pembatalan oleh Pemegang Polisi atau Kami

Mana-mana pihak boleh membatalkan **Polisi** Induk ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada empat belas (14) hari kepada pihak satu lagi. Sekiranya berlaku pembatalan sedemikian:

(i) **Kami** tidak akan mengeluarkan sebarang **Sijil Insurans** di bawah **Polisi** Induk ini selepas itu;

(ii) **Kami** hanya akan bertanggungjawab ke atas tempoh yang masih belum tamat bagi mana-mana **Sijil Insurans** yang telah dikeluarkan di bawah **Polisi** Induk ini dan yang premium telah dibayar.

(b) Pembatalan oleh Anda atau Kami

Mana-mana pihak boleh membatalkan **Sijil Insurans** ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada empat belas (14) hari kepada pihak satu lagi, di alamat terakhir yang diketahui. Pembatalan akan berkuat kuasa dari tarikh pengebilan seterusnya bagi bayaran bulanan selepas tamat tempoh notis empat belas (14) hari. Tiada bayaran balik premium akan diberikan bagi pembatalan **Sijil Insurans** ini.

10. Syarat Penarikan Semula Portfolio

Kami berhak untuk membatalkan keseluruhan portfolio sekiranya **Kami** membuat keputusan untuk menghentikan penawaran produk insurans ini.

Pembatalan portfolio secara keseluruhan akan dilakukan dengan notis bertulis kepada **Anda** dan **Kami** akan meneruskan perlindungan sehingga tarikh luput bagi semua polisi yang masih berjalan dalam portfolio tersebut.

11. Penipuan

Sebarang penipuan, kenyataan palsu atau penyembunyian maklumat berkenaan dengan insurans ini atau mana-mana tuntutan akan menyebabkan **Polisi** ini terbatal dengan serta-merta dan sebarang faedah yang sepatutnya dibayar akan terbatal atau dilucutkan.

12. Timbang Tara

Segala pertikaian yang timbul daripada **Polisi** ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang dilantik oleh kedua-dua pihak. Setiap pihak hendaklah melantik seorang Penimbang Tara secara bertulis dalam tempoh satu (1) bulan kalendar selepas diminta oleh mana-mana pihak. Jika kedua-dua Penimbang Tara tidak mencapai kata sepakat, seorang Penimbang Tara Penengah hendaklah dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Penimbang Tara sebelum rujukan dibuat. Penimbang Tara Penengah akan duduk bersama Penimbang Tara yang dilantik dan mempengerusikan mesyuarat mereka. Pengeluaran anugerah (award) oleh Penimbang Tara adalah syarat terdahulu (condition precedent) kepada sebarang tindakan undang-undang terhadap **Kami**. Sekiranya **Kami** menafikan liabiliti terhadap mana-mana tuntutan dan tuntutan tersebut tidak dirujuk kepada timbang tara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian tersebut, maka tuntutan tersebut akan dianggap terbatal dan tidak boleh dituntut lagi selepas itu.

13. Perlindungan Tambahan

(a) **Polisi** ini dilanjutkan untuk melindungi kecederaan yang dialami oleh **Anda** yang bekerja sebagai anggota tentera, pegawai penguatkuasa undang-undang, pegawai pertahanan awam, dan pegawai keselamatan yang menjalankan tugas di meja secara sepenuh masa, iaitu kerja-kerja kerani atau pentadbiran sahaja.

(b) **Polisi** ini juga dilanjutkan untuk melindungi kecederaan yang dialami oleh **Anda** yang bekerja dalam mana-mana pekerjaan yang disenaraikan dalam PENGECUALIAN (Seksyen E, Perkara 4) dengan syarat bahawa **Anda** tidak sedang bertugas ketika kecederaan berlaku dan kecederaan tersebut bukan berpunca daripada pekerjaan atau aktiviti berkaitan pekerjaan **Anda**.

14. Klausula Had Sekatan Dan Pengecualian

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah **Polisi** ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan

Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat, Malaysia atau Singapura.

15. Pemastautin di Luar Negara

Jika **Anda** menetap di luar Malaysia selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut, hanya faedah **Kematian Kemalangan** dan **Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (PTD)** sahaja yang akan dibayar.

16. Dua atau Lebih Polisi

Jika pada masa mana-mana tuntutan di bawah faedah yang dilindungi oleh **Polisi** ini (yang berasaskan penggantian semula perbelanjaan), terdapat sebarang perlindungan insurans lain, sama ada dengan **Kami** atau syarikat lain yang melindungi risiko yang sama atau sebahagian daripadanya, tanggungan **Kami** tidak akan melebihi bahagian kadar daripada jumlah tuntutan tersebut.

17. Pemegang Permit Kerja di Malaysia

Bagi **Anda** yang merupakan pemegang permit kerja di Malaysia, **Polisi** ini secara automatik akan menjadi batal dan tidak sah jika permit kerja **Anda** telah tamat tempoh atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan. **Kami** akan memulangkan bahagian premium secara prorata yang bersamaan dengan tempoh perlindungan yang belum tamat dalam **Polisi**.

NOTIS PENTING

1. Salinan laporan polis mesti dikemukakan kepada **Kami** untuk sebarang tuntutan yang berpunca daripada Kemalangan Kenderaan Bermotor (MVA).

2. SALURAN UNTUK MENYELESAIKAN ADUAN INSURANS ANDA

Pihak Diinsuranskan yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Syarikat boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan Kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan atau melayari BNMLINK, Bank Negara Malaysia yang beralamat:

(a) Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan

Liberty General Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3 Jalan Damanela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

No. Tel. : 1 800 88 8121
Emel : customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web : www.libertyinsurance.com.my

(b) BNMLINK

Bank Negara Malaysia

4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
e-Link : bnm.gov.my/BNMLINK
Laman Web : www.bnm.gov.my

(c) Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)

(Dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

No. Syarikat : 200401025885
Talian Am : +603-2272 2811
Alamat : Level 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.

Laman Web : www.fmos.org.my

3. **Anda** hendaklah membaca **Polisi** ini dengan teliti, dan sekiranya terdapat sebarang kesilapan di dalamnya atau perlindungan tidak selaras dengan keperluan **Pemegang Polisi**, **Kami** hendaklah dimaklumkan dan **Sijil Insurans/Polisi** hendaklah dikembalikan kepada **Kami**.

4. **Anda** dinasihatkan untuk melantik seorang penama dan

memastikan bahawa penama **Anda** menyedari kewujudan Polisi **Kemalangan** Diri ini yang telah **Anda** langgani.

5. Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

BAHAGIAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG.